# Dato Harun menyeru belia2 bersiap sedia untok mempertahankan negara

Berita Minggu 4 OCT 1970

Oleh ZAINUDDIN BENDAHARA

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Menteri Besar Selangor, Dato Harun Idris, meyeru belia2 supaya bersiap sedia untok mempertahankan negara dan jangan mudah terpedaya dengan hasutan2 dari pengkhianat negara.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan gelanggang baru Pertubohan Seni Silat Gayong chawangan Bangsar di-sini malam kelmarin.

Beliau menyeru belia2 supaya bersiap sedia dari sekarang untok jangan membiarkan sa-inchi pun tanah ayer ini dari di-jajah oleh mana2 pehak.

## Berani

Dato Harun mensifatkan mereka yang berani berkorban jiwa untok mempertahankan tanah ayer-nya sa-bagai "ra'ayat kelas satu."

Beliau kemudian mengingatkan orang2 Melayu supaya mengembangkan kebudayaan mereka, kerana bangsa yang tidak mempunyai kebudayaan ada-lah bangsa yang kosong.

Sa-belum itu ahli2 kumpulan Silat Gayong Selangor telah mengadakan pertunjokan silat mereka serta "bermandi tapak."

Hadhir sama ia-lah Maha Guru Silat tersebut, Meor Abdul Rahman bin Haji Hashim dan Yang di-Pertua Silat Gayong Selangor, Enche Ya'akub Hassan.

Gambar atas menunjokkan tiga orang ahli silat gayong sedang minta izin Dato Harun untok membuka gelanggang baru itu. — Gambar Berita Minggu.